

01 SEP 2001

Mahathir-Masyarakat

MASYARAKAT BERPERANAN BENTUK PERIBADI KANAK-KANAK, KATA DR M

PETALING JAYA, 1 Sept (Bernama) -- Masyarakat terutama ibu bapa dan guru memainkan peranan penting dalam membentuk peribadi kanak-kanak dan menerapkan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pegangan apabila mereka dewasa kelak, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, pembentukan peribadi individu harus bermula pada peringkat umur kanak-kanak dan mereka harus diberikan pendidikan yang sewajarnya supaya peribadi mulia itu dapat dibentuk.

"Masa kecil mereka boleh dibentuk ikut apa yang kita suka...kalau kita bentuk mereka ikut nilai-nilai mulia, mereka akan pegang nilai-nilai itu bila dewasa.

"Tetapi jika kita semai nilai-nilai buruk, sikap mereka apabila dewasa tentulah tak baik dan tak menguntungkan diri dan masyarakat," katanya berucap merasmikan kempen global "Katakan Ya Bagi Kanak-Kanak" di Bandar Sunway di sini, hari ini.

Kempen anjuran Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat itu merupakan usaha global bagi menyedarkan penduduk dunia mewujudkan persekitaran kehidupan dunia yang mesra kanak-kanak.

Dr Mahathir amat sedih dan kecewa dengan kes-kes penderaan terhadap kanak-kanak yang masih berlaku di negara ini dan mahukan masyarakat memberi perhatian serius dengan melaporkan kes penderaan kepada pihak berkuasa.

"Hari ini kita sedih dengar kes-kes dera kanak-kanak sehingga membawa kematian. Ini sesuatu yang amat mengecewakan kerana mereka tak boleh mempertahankan diri mereka dan bergantung kepada orang dewasa," katanya.

Beliau menyeru masyarakat supaya serius melaksanakan kempen "Katakan Ya Bagi Kanak-Kanak" itu yang bermatlamat mewujudkan persekitaran kehidupan yang selesa dan selamat bagi semua kanak-kanak negara ini.

"Saya harap slogan kempen diterima secara serius oleh semua orang dewasa kerana kanak-kanak adalah waris kita dan kita perlu sayang anak-anak kita," katanya.

Walaupun begitu, katanya, kanak-kanak perlu juga sentiasa ditegur, dilarang dan ibu bapa tidak "berkata ya" apabila anak-anak mereka melakukan sesuatu yang tidak baik bagi diri mereka dan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau berbangga kerana ramai rakyat Malaysia yang memberi perhatian kepada anak-anak yatim dan anak-anak masyarakat Orang Asli di negara ini.

"Saya bangga yang antara hadir hari ini ada juga daripada kaum Orang Asli. Di Malaysia Orang Asli tak dipinggir, mereka dapat peluang dan tempat seperti kaum lain juga," katanya.

Beliau berharap dengan adanya sikap ambil berat pada masyarakat negara ini, masa depan kanak-kanak akan lebih terjamin.

Kempen berkenaan memerlukan usaha dan tindakan bersepadu semua pihak untuk menyatakan "Ya" kepada 10 tindakan asas bagi meningkatkan taraf hidup hidup kanak-kanak seperti yang dipersetujui bersama oleh Malaysia dan negara-negara lain di dunia semasa Deklarasi Beijing.

Sepuluh tindakan utama itu ialah "Tiada kanak-kanak yang ketinggalan", "Utamakan kanak-kanak", "Penjagaan Untuk Setiap Kanak-kanak", "Hapuskan HIV/Aids", "Berhenti Mencedera Dan Mengeksploitasi Kanak-kanak", "Dengar suara hati kanak-kanak" dan "Mendidik Setiap Kanak-kanak".

Tindakan lain ialah "Lindungi Kanak-kanak Daripada Ancaman Peperangan dan Konflik Ganas", "Pelihara Alam Sekitar Untuk Kanak-kanak" dan "Basmi Kemiskinan: Melabur Pada Kanak-kanak".

Kira-kira 5,000 kanak-kanak menyertai gerakan itu di peringkat nasional dan menurunkan cap ibu jari mereka pada kain rentang tercatat perkataan "Say Yes For Children" yang kemudiannya tersenarai dalam Malaysia Book of Records sebagai "Kain Rentang Yang Terbesar Di Dunia Dengan Cap Ibu Jari Kanak-kanak". Perdana Menteri turut menurunkan cap ibu jari beliau pada kain rentang berkenaan.

Pada majlis itu juga Dr Mahathir menyampaikan surat perlantikan kepada anggota Majlis Perundingan Kanak-Kanak yang akan berperanan menyelaras dan memantau hal ehwal pengurusan kanak-kanak negara ini.

-- BERNAMA

ZAI AKT PR